

SIRI CERAMAH KESUSASTERAAN PERBANDINGAN 1994

15 Ogos 1994

Sudut Penulis Dewan Bahasa dan Pustaka

CITRA KESUSASTERAAN MAHUA SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA

Yang Quee Yee

Anjuran

**UNIT PENYELIDIKAN SASTERA MODEN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

CITRA KESUSASTERAAN MAHUA SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA

Yang Quee Yee

1. Tentang Anak Perantau Cina dan Mahua

Anak Perantau Cina digelaran Huaqiao dalam bahasa Mandarin, atau Huakiao dalam dialek bahasa Cina. Makna yang tepat buat perbendaharaan ini ialah warga China yang merantau di luar negeri. Maklumlah sebutan ini hanya sesuai dipakai untuk menggelarkan orang Tionghua yang berwarga China, ia berbeza dengan keturunan orang Tionghua yang beridentiti warga tempatan seperti Malaysia misalnya.

Orang Tionghua warga Malaysia atau warga negara-negara selain daripada China atau Tiongkok memanggil diri mereka sebagai Huaren dalam bahasa Mandarin. "Ren" itu bermakna "orang", sedangkan "hua" adalah singkatan daripada "Tionghua". Jadi, "Huaren" dalam makna bahasa Melayu bererti "keturunan orang Tionghua warga setempat" atau secara singkat boleh digelaran saja "orang Tionghua setempat".

Sebutan ini jika diperkaitkan lebih lanjut dengan identiti Malaysia, dalam bentuk bunyi penuh kosa kata Mandarin atau Hua Yu adalah "Ma Lai Xi Ya

(Malaysia) Huaren", sama ertinya dengan "orang Tionghua di Malaysia" dalam bahasa Melayu.

Lantas daripada "Ma(lai xi ya) hua(ren)" itu disingkatkan lagi menjadi akronim "Mahua" seperti yang dikenali umum dalam bahasa Mandarin, demikianlah jadinya struktur kata dan makna sebutan "Mahua" yang saya kutip dan luas gunakan dalam kertas pembicaraan di bawah ini.

2. Tegaknya Citra Kesusasteraan Mahua

Kendatipun sejarah kesusasteraan Mahua moden boleh disusul jauh sampai ke tahun 1919 yang diperkaitkan dengan bukanya ruangan sastera bergaya baru yang diselenggarakan di *Harian Rakyat Baru* atau *Xin Guoming Ribao*, sebuah akhbar Cina di Singapura pada masa yang lampau, namun konsep sebutan sastera Mahua yang tegas seperti yang kita kenali sekarang ini sebetulnya dipraktikkan melalui dua polemik yang berkesan yang pernah berlaku dalam sejarah kesusasteraan Mahua sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua.

Polemik yang pertama berlaku di antara tahun 1934-1936. Pada ketika itu, secara tersedar, ideologi kesusasteraan Mahua telah dibangkitkan oleh penulis-penulis Mahua atas kesedaran ideologi kewargaan dan konsep Malaya dari segi geografi. Dalam polemik itu, di samping masalah tema tulisan tempatan, pelbagai sebutan telah disarankan untuk membina citra kesusasteraan Mahua supaya mempunyai keistimewaan sendiri, serta mengurangkan hubungannya dengan sebutan dan corak sastera anak perantau seperti yang diperkaitkan pada masa yang lampau hingga ke batasan yang minimum. Kerana sebutan itu dianggap tidak berselaras dengan keadaan keturunan orang Tionghua yang beridentiti warga setempat.

Sebutan yang disarankan dalam polemik yang pertama itu meliputi "sastera popular", "sastera baru Malaya", "seni sastera tempatan Malaya" atau "seni sastera Malaya" dan sebagainya.

Lantas menjelang Perang Dunia Kedua, usaha untuk menegakkan imej tempatan dalam sastera Mahua pun dilandai sementaranya oleh tema tulisan yang berunsur "sastera pertahanan" dan "sastera popular perang revolusi nasional" akibat dunia sastera kita mahu tak mahu telah terlibat dalam kancah peperangan yang menimbulkan kempen total anti perang pencerobohan Fasis sedunia, sedangkan di negeri kita dikenali sebagai Perang Anti Jepun.

Tamatnya Perang Dunia Kedua itu juga membangkit kembali semangat dan erti baru kepada sastera Mahua. Dalam peringkat ini, masalah ideologi nasional telah diungkit dan dibahaskan semula di antara penulis-penulis Mahua di sekitar tahun 1948. Lalu mencetuskan satu polemik yang lebih luas di antara mereka itu. Dalam pertikaian itu, penulis-penulis Mahua diseru supaya mengambil langkah yang praktis dan positif terhadap peristiwa-peristiwa yang bercorak tempatan dalam penulisan kreatif. Di samping itu, mereka itu juga diseru supaya berusaha menghindarkan unsur yang boleh mengelirukan citra penulisan Mahua seperti masalah tidak membezakan sebutan sastera anak perantau dan sastera keturunan Tionghua setempat. Karya-karya yang bertema tempatan yang diciptakan oleh penulis-penulis Mahua disifatkan tidak wajar jika terus dinamakan sebagai sastera anak perantau, sedangkan sebutan "sastera Mahua" dianggap lebih sesuai dengan keadaan identiti warga setempat yang memang lama telah diperlihatkan oleh karyawan-karyawan keturunan Tionghua sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua.

Demikianlah proses jadinya citra kesusasteraan Mahua di Singapura dan Malaya dalam konsep kesatuan melalui polemik terbuka dengan akhbar-akhbar Cina tempatan sebagai wadah pengantaraan.

3. Tema Sastera Mahua Selepas Perang

Menurut hasil kajian ahli sejarah kesusasteraan Mahua, bahawa tema penulisan kreatif sastera Mahua selepas Perang Dunia Kedua boleh dirumuskan menjadi beberapa periode seperti berikut:

3.1. Periode Pemulihan (1945-1948): Pada peringkat ini, tema penulisan kreatif sastera Mahua kecuali sebahagiannya masih terikat pada tema yang mengkisah kembali tentang peristiwa-peristiwa anti Jepun semasa perang, kisah menentang pemulihan pemerintahan kaum penjajah dan cita-cita rakyat terhadap pembangunan negara telah dijadikan tema yang lebih utama.

Misalnya, masalah-masalah yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa menuntut hak asasi kemerdekaan atau pemerintah sendiri, menyokong kempen demokrasi kebangsaan yang terjadi hampir di seluruh rantauan Asia, cita-cita dan keghairahan rakyat di Singapura dan Malaya untuk membebaskan diri dari kongkongan kuasa penjajah British, kisah kegagahan rakyat untuk merebut kembali kedaulatan negara dari tangan Fasis Jepun, akan tetapi hasil kemenangan mereka itu terampas semula oleh kaum penjajah setelah penyerahan diri si penceroboh tentera Jepun, sehingga mereka hidup kembali dalam keadaan azab sengsara dan ketidak-tenteraman.

Tema penulisan seumpama ini menunjukkan, bahawa karya sastera Mahua dalam peringkat ini mempunyai keistimewaan corak tempatan yang ketara, serta

ideologi patriotisme baru telah mengambil tempat yang penting dalam tema penulisan Mahua.

Hasil tulisan yang tercapai itu meliputi puisi, cerpen, drama, prosa, rencana dan sebagainya.

Penulis-penulis masa ini terdiri daripada penyair: Liu Si dengan karya terkenalnya *Pertunjukan Keadilan*; Tie-Ke, *Di Bawah Bendera*; Mi-Jun, *Tak Usah Minta Tolong* dan lain-lain. Cerpenis: Xia-Lin, *Sungai Pahang Yang Sunyi*; Ying Zhi-Yang, *Pengubatan Buat Orang Yang Terkorban* dan lain-lain. Penulis drama: Du-Bian, *Matahari Esok*, *Orang Yang Bermiat Jahat* dan sebagainya; Yue-Ye, *Azab Sengsara Di Keretapi*, *Azab Sengsara Di Batu Tiga* dan sebagainya.

Dalam sejarah kesusasteraan Mahua, proses perubahan ideologi penulis dianggap penting, kerana tanpa tanggapan yang tepat dan pasti terhadap matlamat perkhidmatan seni sastera, penulis-penulis itu dianggap sukar hendak menciptakan karya-karya yang lebih kreatif untuk memandu pembaca-pembacanya menuju ke arah jalan fikiran yang positif. Mujurlah penulis-penulis Mahua di peringkat ini tidak tergeluncur dari peranan yang harus dipermainkan.

3.2. Periode Zaman Darurat (1948-1953): Semasa Undang-undang Darurat dikuatkuasakan oleh kaum penjajah di sekitar 1948, tema pembangunan negara dalam sastera Mahua yang pernah dibayangkan dalam periode sebelumnya itu menghadapi rintangan hebat. Peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan politik yang dianggap tidak akan mendatangkan manfaat untuk kaum penjajah, semuanya dikategorikan dalam masalah sensitif. Maka untuk menghindarkan diri daripada menjadi korban tekanan politik, penulis-penulis Mahua kebanyakannya pun tidak mahu mengambil risiko untuk menulis masalah yang dianggap sensitif itu.

Lantaran itu, tema tulisan di masa itu banyak yang beralih kepada perkara-perkara yang sekunder atau sedikit sebanyak membayangkan keadaan kehidupan

rakyat biasa, paling-paling berusaha menulis karya-karya yang mengandungi isi buah fikiran falsafah yang dijelmakan dalam prosa atau esei, ada pula yang mencurahkan perhatiannya dalam penyelidikan perkara-perkara tempatan dan sejarah, ada yang menulis kisah-kisah pelayaran, biografi dan memoir, atau ada yang berusaha mencari tema tulisan daripada kehidupan lucah.

3.3. Periode Anti Kebudayaan Lucah (1953-1956): Nada rendah dan kecenderungan isi lucah seperti yang berlaku di atas itu dilanjutkan sampai penghujung tahun 1953, lapangan kesusasteraan Mahua baharu mengambil tindakan yang saksama untuk mencegah arus kepincangan yang boleh merosakkan imej dan moral masyarakat umum, lalu berusaha memulihkan keaktifannya dari batasan yang tertentu.

Tema tulisan yang utama dalam peringkat ini adalah anti kebudayaan lucah. Kerana sebelum ini, di bawah kawalan kuasa kaum penjajah, masalah politik kemerdekaan menjadi masalah sensitif, pendidikan sekolah dan kegiatan masyarakat hanya terlingkar pada lingkungan untuk berkhidmat kepada kepentingan kaum penjajah. Tambahan pula, dalam polisi rampasan ekonomi kaum penjajah, kehidupan rakyat didorong sampai ke pinggir kemiskinan dan azab sengsara, akhlak masyarakat sama sekali tiada terpelihara atau terjamin, sehingga seluruh masyarakat berada dalam keadaan porak-peranda. Di bawah keadaan yang tidak tenteram ini, peristiwa-peristiwa merogol dan pembunuhan yang bersewenang-wenang telah menyelubungi seluruh negeri, langsung mengancam kehidupan normal masyarakat umum, lebih-lebih keamanan anak dara sama sekali tidak terjamin. Maka sebagai golongan yang paling sensitif dan berdinamik, murid-murid sekolah Cina pun bangkit mengambil tindakan inisiatif untuk mencegah arus kepincangan masyarakat ini, lalu mencetuskan kempen anti kebudayaan cabul secara besar-besaran. Sebagai reaksi atau pembayangan kenyataan

masyarakat yang objektif, kempen seumpamaan itu pun dijadikan salahsatu tema penulisan kreatif yang utama dalam sastera Mahua.

Dalam masa yang sama, lantaran kesedaran politik, rakyat Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura telah berura-ura memperjuangkan kedaulatan dan kemerdekaan negara. Kempen atau gerakan yang seumpama itu dengan spontannya telah diserap menjadi bahan-bahan tulisan sastera Mahua moden. Sehingga masalah seni sastera anak perantau seperti yang pernah dipertikaikan dahulu itu sama sekali tidak sempat memainkan fungsinya, malahan karya-karya yang melukiskan perkara-perkara enteng pun tidak tertarik dan berundur menjadi tema yang sekunder. Penulis-penulis yang bertanggungjawab semasa itu telah berusaha dengan bersungguh-sungguh, menggambarkan peristiwa-peristiwa yang lebih pesat yang menjadi hasrat dan sasaran perjuangan rakyat semasa dan setempat dalam penulisan kreatif.

Para penulis dalam peringkat ini sebahagian besarnya terdiri daripada angkatan muda yang bermuka baru. Mereka itu ialah Jian-Shi, Gao Ning, He Jin, Wei Jia, Ma Ya, Ren-Ning, Wu An, Du Hong, Zhong Qi, Miao-Mang, Xie Ke, Mai Qing dan sebagainya.

Setindak dengan golongan ini, penulis-penulis lama yang lebih berpengalaman seperti Yi-Jin, Bing-Mei, Lin Chao, Fang Bei-Fang, Bai-Meng, Wei Yun, Yuan Shang-Cao dan sebagainya pun terus meneroka dengan batang penanya. Ada juga sebahagiannya masih aktif hingga hari ini.

3.4. Periode Kemerdekaan (1957-1965): Kesedaran ideologi nasionalisme selepas perang dunia menggelorakan kempen tuntutan kemerdekaan rakyat yang meluap-luap di negara-negara yang terjajah. Demikian juga keadaannya di tanahair kita.

Sampai tahun 1957, menjelang kemerdekaan negara kita dari kongkongan kaum penjajah, tindakan-tindakan baik berupa perjuangan ideologi, ataupun kempen anti penjajahan yang saksama telah dilancarkan di antara rakyat secara besar-besaran.

Lantaran itu, konsep Malaya dari segi ideologi nasionalisme telah dipertingkatkan setingkat lagi dalam sastera Mahua. Dalam pada itu, selogan "sastera patriotisme" telah diperkenalkan sebagai respon kepada "kempen kebudayaan patriotisme" yang sedang dilancarkan dalam masyarakat Tionghua. Di bawah selogan ini, penulis-penulis Mahua diseru supaya mengambil tindakan yang lebih saksama untuk menghasilkan karya-karya yang boleh membayangkan cita-cita rakyat dan usaha pembangunan negara semasa dan setempat dari segi ideologi baru.

Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Namun menurut kajian ahli sejarah kesusasteraan, bahawa akibat masalah bahasa dan perubahan sistem pelajaran, perkembangan sastera Mahua dalam peringkat ini bukan sahaja tidak mencapai kemajuan yang semestinya, melainkan proses perkembangannya nampaknya telah diperlambatkan buat satu jangka masa yang agak panjang, sehingga hasil tulisan di masa ini menunjukkan kelesuan yang mengecewakan.

Serupa juga keadaannya di Singapura, kerajaan sendiri yang tercapai pada tahun 1959 di pulau itu sama sekali tidak mendatangkan apa-apa faedah buat kemajuan kesusasteraan Mahua, malahan akibat daripada perubahan beransur status pengajaran bahasa Tionghua yang direncanakan di pulau itu, kesusasteraan Mahua tetap berada dalam keadaan yang tidak diingini, sehingga pertumbuhannya hanya dapat dilanjutkan dalam kondisi yang terbatas.

Hanya sampai pada tahun 60-an, di bawah usaha dan pupukan penulis Mahua sendiri, beserta dengan dorongan yang diperolehi dari kalangan pendidikan dan penerbit-penerbit swasta, sastera Mahua baharulah sempat dicurahkan dengan semangat dan gaya baru.

Dari tahun 1945 hingga 1965, dalam sepanjang usaha dan perkembangannya, sastera Mahua tetap diertikan dalam konsep kesatuan yang meliputi hasil tulisan karyawan-karyawan tanpa membezakan mereka itu berasal dari Malaysia ataupun Singapura.

Akan tetapi, mulai dari 9 Ogos 1965, oleh sebab terpisahnya Singapura daripada gagasan Malaysia dan langsung diisytiharkan menjadi sebuah negara yang merdeka, semenjak itu, makna kesusasteraan Mahua seperti yang dikenali dahulu itu tidak selamanya lagi merangkumi lingkungan Singapura. Hasil tulisan bahagian ini lalu dibezakan dengan sastera Xinhua yang tersendiri.

4. Sastera Mahua Setelah Berpusat Di Ibukota

Terpisahnya sastera Xinhua daripada sastera Mahua dalam konsep kesatuan seperti yang dikenali dahulu itu telah membebankan penulis-penulis keturunan Tionghua di kedua-dua negara ini satu tugas baru untuk membina citra dan wadah aktiviti penulisan masing-masing.

Walau bagaimanapun, dari segi konsep negara, penulis keturunan Tionghua di Malaysia mewarisi kerja dan sebutan lama sebagai usaha kesinambungan sastera Mahua yang mempunyai sejarah yang berdekad-dekad lamanya memang wajar. Namun jika ditinjau kembali kepada status penulis dan penerbit sastera Mahua yang berada di jangka masa sebelum tahun 1965, satu fenomena yang

universal boleh didapati, iaitu kebanyakan daripada mereka itu suka berkerumun di Singapura, dan menjadikan tempat itu sebagai pusat kegiatan.

Sebabnya ialah sejak dahulu, Singapura telah terkenal sebagai sebuah kota yang makmur dan mempunyai kehidupan kebudayaan yang serba moden. Di mana terdapat institusi pendidikan yang tinggi, kehidupan kebudayaan yang beraneka ragam, taraf dan teknik percetakannya juga lebih sempurna dan moden. Oleh sebab itu, semasa Malaya dan Singapura wujud dalam konsep kesatuan, banyak usahawan dan budayawan, termasuk tokoh-tokoh politik, ekonomi, ahli pendidikan dan sasterawan, suka mengadu nasib atau menyelenggarakan urusan masing-masing seperti hal sastera dan budaya di pusat kosmopolitan ini.

Semasa penulis-penulis Mahua mengambil alih tugas kesinambungan untuk melanjutkan usaha sastera Mahua daripada rakan sekongsinya—penulis sastera Xinhua, lalu memindahkan tapak kegiatan barunya ke Kuala Lumpur, boleh difahami bahawa segalanya dirasai segar dan asing. Lebih-lebih tentang masalah percetakan yang masih belum mencapai taraf seperti yang kita nikmati hari ini, ditambah pula dengan rintangan unsur-unsur objektif yang tidak dapat dielakkan, kelim-kabut keadaannya. Oleh kerana itu, proses penulisan kreatif Mahua dalam jangka masa ini menunjukkan begitu lambat dan lesu, sehingga dirasai langkah perkembangannya bukan sahaja tidak berkemajuan, melainkan menjadi surut.

Sifat kelesuan itu dilanjutkan hingga di sekitar tahun 1975, keadaannya baharu terpulih. Lantaran ini, untuk menampung serta menyelenggarakan segala urusan yang berkaitan dengan sastera Mahua, kalangan penulis-penulis Mahua pun berura-ura menubuhkan sebuah persatuan yang tersendiri.

Pada tahun 1977, Persatuan Penulis-penulis Aliran Cina Malaysia pun ditubuhkan dengan rasminya di ibukota. Selain daripada itu, beberapa buah pertubuhan yang seumpama pun diorganisasikan di tempat lain di dalam negeri.

Antaranya terdapat, Persatuan Kesusasteraan dan Seni-Lukis Perak yang beralamat di Ipoh, Negeri Perak; Persatuan Kesusasteraan dan Kesenian Malaya Selatan yang bertapak di Muar, Negeri Johor dan Persatuan Penulis Aliran Tionghua Sarawak yang berpusat di Kuching, Sarawak.

Di bawah usaha kerjasama pertubuhan-pertubuhan sastera yang seumpama dan badan-badan di bidang lain, pelbagai kegiatan yang berkaitan dengan sastera Mahua pun dianjurkan pada kemudiannya. Antaranya yang lebih tertarik ialah Malam Sanjungan Terhadap Karyawan Sastera Mahua Angkatan Lama (1988), Anugerah Sastera Mahua (1989), Pesta Sastera Mahua (1990) dan sebagainya.

Daripada kegiatan-kegiatan yang dipertunjukkan itu, beserta dengan berbagai-bagai buku sastera yang telah diterbitkan, maka boleh dikatakan bahawa mulai dari tahun 80-an hingga kini, bidang sastera Mahua sedang mengalami proses perkembangan yang paling aktif dan makmur dalam sejarahnya.

Namun, jika ditinjau dari isi kandungan terbitannya, tema tulisan sastera Mahua nyatalah masih kuat terikat pada kisah kehidupan desa.

Ambillah *Angkatan Ini* dan *Gadis Dalam Gambar* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka sebagai contoh, isi yang terkandung dalam kedua terjemahan antologi cerpen Mahua ini kebanyakannya pun tidak terlepas dari tema seperti yang seumpama.

Akan tetapi maklumlah, pengalaman berasal dari amalan, kita yakin, bahawa sastera Mahua pasti boleh mencapai matlamat dan mutu yang memuaskan, asalkan para penulis Mahua boleh berusaha bersungguh-sungguh dan menciptakan tema tulisan mereka dari kehidupan menurut aliran masanya.

5. Sastera Xinhua Yang Berwajah Baru

Sastera Xinhua yang berusia tidak sampai 10 tahun itu memang masih remaja dalam sejarahnya.

Umum yang mengetahui, bahawa Singapura adalah sebuah negara kota, kemajuan perniagaan dan perkembangan perusahaan menjadi tunjang pembangunan ekonomi di negara itu. Di mana kegiatan agraria hampir tidak wujud lagi. Oleh sebab itu, tema penulisan kreatif sastera peringkat kini di negara itu tentu pun terlingkar pada masalah dan kehidupan penduduk kota.

Namun demikian, jika ditinjau dari latar belakang dan pengalaman para penulisnya, maka boleh didapati, bahawa ada sebahagian daripada mereka itu mempunyai pengalaman yang sama ataupun lebih lama daripada penulis Mahua sekarang. Kerana di antara mereka itu ada yang berasal dari penulis sastera Mahua dahulu, lalu berubah statusnya menjadi anggota sastera Xinhua akibat perubahan status negara itu daripada dunia politik. Antaranya ada yang masih mempunyai pertalian rapat dengan sanak saudaranya di Malaysia, walaupun mereka sendiri telah mengubah status kerakyatannya.

Ambillah Persatuan Penulis Aliran Cina Singapura sebagai contoh, maklumlah orang yang memegang teraju pimpinan persatuan itu, Dr. Wong namanya, pun berasal dari Malaysia.

Di samping itu, novelis yang terkenal di bidang sastera Xinhua yang berturut serta dalam acara perbahasan kita pagi ini, Liu Jun nama samarannya, dulu juga orang Malaysia. Walaupun karya-karya beliau kini banyak yang mengambil temanya dari segi kehidupan kota sama seperti penulis-penulis Xinhua yang lain sekarang, namun, kerana latar belakang tempat asal beliau, maka ada sebahagian tema tulisannya yang terkini masih tidak terlepas daripada mengisahkan kehidupannya yang berlaku di desa-desa Malaysia dahulu. Ciri-ciri tema tulisan

yang seumpama itu boleh juga didapati dalam isi kandungan karya-karya penulis Xinhua yang lain.

Walau bagaimanapun, tugas penulis Xinhua memang berat dan jalannya pun jauh. Sama seperti sastera Mahua, di bawah usaha para penulisnya yang bersungguh-sungguh, sastera Xinhua sedang dibimbing ke arah jalan perkembangannya yang sihat melalui penulisan wajah baru.